



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>QAWAID FIQHIYYAH</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DPI 2153</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>APRIL 2015</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>1 JAM 45 MINIT</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**


1. Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) bahagian:
  - BAHAGIAN A (10 Markah)
  - BAHAGIAN B (10 Markah)
  - BAHAGIAN C (40 Markah)
  
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B. Jawab **EMPAT (4)** soalan dari BAHAGIAN C.
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
  - ii. Jawab BAHAGIAN B di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
  - iii. Jawab BAHAGIAN C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.
  
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Objektif
  - iii. Borang Jawapan Betul/Salah
  - iv. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi SEPULUH (10) soalan . Jawab semua soalan di dalam Borang Jawapan Objektif

1. Bunga yang dikenakan ke atas pinjaman bank boleh diharuskan dengan alasan
  - A. *Al-Dhoror yuzal*
  - B. *Al-Masyaqqah tajlib taisir*
  - C. *Al-Yaqin la yuzalu bi syak*
  - D. *Al- a`dah muhakkamah*
  
2. Nabi Muhammad pernah menyuruh sahabat menebang sebatang pokok kurma milik sahabat yang memudaratkan jirannya menjadi sandaran kaedah:
  - A. Bahaya mesti dihilangkan
  - B. Setiap urusan mesti disertai niat
  - C. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan
  - D. Adat menjadi hukum.
  
3. Terjemahkan kaedah ini ; *iza dhoqo al-amru ittasa`*
  - A. Bila sukar suatu perkara ia menjadi mudah
  - B. Bila mudah suatu perkara ia menjadi susah
  - C. Kesusahan menarik kemudahan
  - D. Keyakinan mesti dihilangkan
  
4. Setiap perkara mesti disertakan dengan tujuan.
  - A. Allah mahukan kemudahan ke atas kamu dan tidak mahu kesusahan ke atas kamu
  - B. Hanya sanya setiap amalan itu dengan niat .
  - C. tidak bersepakat ummat ku di dalam melakukan kesalahan
  - D. kesusahan menarik kemudahan

5. Puan Hayzana mengalami kanser pangkal rahim. Doktor berpendapat untuk mengelak kanser dari merebak ke organ lain, rahim mesti dibuang, apakah kaedah yang boleh dilihat oleh Puan Hayzana untuk membuat pilihan?
- A. Tidak boleh menolak mudarat dengan mudarat
  - B. Menolak mudarat lebih utama dari mengambil manfaat
  - C. Mudarat yang besar boleh dihindarkan dengan melakukan mudarat yang ringan
  - D. Bahaya mesti dihilangkan
6. Jaafar tidak berupaya untuk membayar ansuran bulanan kereta Camry miliknya 3 bulan berturut-turut. Apakah kaedah yang boleh digunakan oleh bank untuk mewajarkan tindakan menarik kereta Encik Jaafar.
- A. Kesukaran menarik kemudahan
  - B. Adat menjadi sumber hukum
  - C. Bahaya mesti dihilangkan
  - D. Yakin tidak hilang dengan keraguan
7. Kaedah di bawah adalah pecahan dari kaedah yakin tidak hilang dengan keraguan melainkan:
- A. Setiap yang berlaku diambil kira masa paling hampir
  - B. Asal sesuatu hukum adalah harus dijumpai dalil pengharamannya
  - C. Hukum asal pada sesuatu ucapan dikira maknanya yang hakiki
  - D. Asalnya seseorang bebas dari tanggungjawab
8. Seorang ejen hartanah ingin menjual sebidang tanah kepada seorang peladang sedangkan dia tahu tanah itu berstatus tanah untuk perumahan .
- A. Asal sesuatu adalah harus
  - B. Bahaya mesti dihilangkan
  - C. Adat menjadi sumber hukum
  - D. Yakin tidak hilang dengan keraguan

9. *Al dharurah tuqaddar bi qadariha* bermaksud

- A. Apabila keadaan menjadi sukar diberi kemudahan
- B. Apabila keadaan menjadi mudah hukum kembali kepada asal
- C. Kesukaran membawa kemudahan
- D. Dharurat ditentukan menurut kadarnya

10. Kitab pertama dikarang berkenaan kaedah fiqh ialah

- A. *Ta`sis annazar*
- B. *Asybah wa nazair*
- C. *Khatimah majami alhuquq*
- D. *Al-Mustasfa*

(10 markah)



**BAHAGIAN B**

**Bahagian ini mengandungi SEPULUH (10) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Betul/ Salah**

1. Kaedah fiqh boleh digunakan untuk menghalalkan riba atas alasan darurat hukum yang sesuai dengan persekitaran semasa.
2. Ilmu Kaedah fiqh telah digunakan oleh rasulullah secara tidak langsung melalui amalan dan percakapan beliau.
3. Kaedah *al dharar la yuzalu bi dharar* bermaksud menolak mudarat lebih utama dari mengambil manfaat .
4. Contoh *uruf qauli* seperti mengadakan majlis akad nikah di masjid.
5. Kadar mahar yang tinggi sekarang adalah bersesuaian dengan kos semasa dan ia harus mengikut uruf.
6. Apabila seseorang terlupa bilangan rakaat dia mestilah mengambil bilangan rakaat yang sedikit.
7. Jika seseorang ragu samada dia telah terbatal wuduk atau belum dia mesti mengambil wuduk yang baru.
8. Jika seseorang bersumpah tidak mahu bermain permainan maya Clash of Clan tetapi dia bermain Angry Bird maka dia wajib membayar kafarah.
9. Harus membeli emas dengan kad kredit kerana pembeli hanya berhutang dengan bank tetapi akad antara pembeli dan penjual emas adalah tunai.
10. Menurut kaedah al-Uruf muhakkamah jual beli menggunakan wang tunai boleh diganti dengan hanya mendebit atau mengkreditkan akaun seseorang melalui kad ATM.

(10 markah)

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan. Jawab EMPAT (4) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan

**SOALAN 1**

1. Jelaskan bagaimanakah ilmu kaedah fiqh menyokong ilmu fiqh dan usul fiqh untuk membantu seorang faqih memberikan jawapan kepada sesuatu isu moden berkaitan perbankan dan kewangan.  
(6 markah)
2. Sebutkan 4 kitab kaedah fiqh beserta nama pengarangnya.  
(4 markah)

**SOALAN 2**

1. Huraikan secara ringkas sejarah perkembangan ilmu kaedah fiqh dari zaman Rasulullah hingga munculnya penulisan dalam bidang ini.  
(5 markah)
2. Namakan kitab kaedah fiqh yang pernah digunakan sebagai sumber perundangan di Negara Othmaniyah  
(1 markah)
3. Nyatakan **EMPAT (4)** faedah mempelajari ilmu ini.  
(4 markah)

**SOALAN 3**

1. Jelaskan maksud kaedah al-Umur bi Maqasidiha.  
(2 markah)
2. Sebutkan **DUA (2)** kaedah pecahan dari kaedah ini.  
(2 markah)
3. Sebutkan **DUA (2)** bidang fiqah yang boleh dirujuk kepada kaedah ini.  
(2 markah)
4. Berikan hukum bagi masalah berikut dengan berpandukan kaedah diatas
  - i. Seorang telah berkata kepada isterinya "awak boleh balik ke rumah mak bapak awak" selepas bergaduh dengan niat untuk menceraikan isterinya.
  - ii. Seorang telah berniat bersedekah kepada syarikat Sport Toto ketika membeli nombor pertaruhan 4 angka
  - iii. Seorang telah mencarum sebanyak RM200 setiap bulan di dalam insuran takaful keluarga dengan harapan apabila ditimpa musibah dia akan menerima pampasan sebanyak RM 200,000.
  - iv. Seseorang bersumpah tidak mahu melakukan persetujuan dengan isteri-isterinya tetapi dalam hatinya berniat isteri pertama  
(4 markah)

**SOALAN 4**

1. Jelaskan maksud kaedah kesukaran membawa kemudahan  
(2 markah)
2. Berikan **DUA (2)** sumber kaedah ini dari al-Quran dan as-Sunnah.  
(2 markah)



3. Bincangkan hukum seorang wanita menjadi ibu tumpang kepada bayi yang lahir dari persenyawaan sepasang suami isteri yang tidak mampu mendapatkan anak secara normal jika disorot dari kaedah ini.

(3 markah)

4. Berikan hukum bagi masalah berikut berpandukan kaedah di atas atau pecahan kaedah ini:

- i. Makan makanan yang telah disahkan oleh Jakim mengandungi DNA khinzir
- ii. Menggunakan bahan yang menghilangkan untuk menahan kesakitan.
- iii. Menggadaikan emas dengan syarikat ar-Rahn untuk mendapatkan pinjaman dengan dikenakan upah simpan sebanyak 0.65 sen bagi setiap RM100 yang dipinjam dengan tempoh pinjaman selama 6 bulan.

(3 markah)

#### SOALAN 5

1. Jelaskan maksud kaedah al'adah muhakkamah

(2 markah)

2. Masalah pembuangan bayi telah menjadi barah dalam masyarakat. Berpandukan kaedah al'adah muhakkamah terangkan bagaimana masalah bayi yang dibuang ini dapat diselamatkan.

(2 markah)

3. Namakan **DUA (2)** kaedah pecahan dari kaedah ini

(2 markah)

4. Berikan **EMPAT (4)** syarat adat boleh dijadikan sebagai sumber perundangan di dalam Islam

(4 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

